



Dapat Tajaan 700 Paket Gula, Pengarah Teater ‘Dang Anum (The Untold Story) Terharu Hairul Azreen & Hanis Zalikha Turut Beli Banyak Tiket Korporat

Asyikin Mayudin
27/09/2024 | 13:55 MYT



Dalam usaha mendapatkan penaja wang ringgit untuk menampung kos pementasan Teater Dang Anum (The Untold Story), pengarah, Amirul Haswendy Ashari, mengakui ada juga pihak yang berhasrat menaja gula paket.

Rezeki untuk penonton

Terkejut dengan penajaan 700 paket gula, Amirul bagaimanapun menganggap ia merupakan rezeki untuk diberikan kepada penonton yang hadir menonton teater tersebut nanti.

“Pada awal memang agak terkejut sebab diikutkan kami perlukan penajaan wang tunai untuk menampung kos pementasan teater ini ke Melaka dan Johor, selain rakaman dokumentari khas di Batam dan Riau.

"Terfikir juga, nak buat apa dengan 700 paket gula yang banyak? Tapi apabila difikirkan semula, semua ini rezeki kepada penonton yang datang menonton teater ini kelak," katanya berterima kasih kepada syarikat pengeluar gula tempatan, MSM.

Tiket korporat

Amirul turut meluahkan rasa terharu kerana rakan artis seperti Hairul Azreen dan isteri, Hanis Zalikha memberi sokongan membeli tiket korporat pada jumlah yang banyak.

Penjualan tiket korporat menonton teater ini adalah bertujuan untuk memberi peluang kepada pelajar sekolah, IPT, NGO dan rumah kebajikan tempatan menonton pementasan.

"Sejujurnya, dana diterima dari Geran Sokongan Sektor Kebudayaan (GSSK) pada tahun ini terlalu sedikit, yakni tak sampai RM100,000 berbanding tahun lalu untuk menampung kos penganjuran teater di tiga lokasi.

"Pun begitu, kami tetap bekerja keras dalam sumber yang sangat minimum demi memastikan pementasan kali ini mencapai matlamat," katanya memerlukan tambahan RM250,000.

Persatuan Seni dan Budaya Redholah (The Redholah) bakal mementaskan Teater Dang Anum (The Untold Story) pada hujung minggu ini bermula 27 sehingga 29 September 2024 bertempat di Auditorium Tun Azizan Zainul Abidin (Cempaka Sari), Putrajaya.

Antara pelakon adalah Adam Shahz, Ain Sufia, Along Eyzendy, AG Hafiz, Karl Dannish, Aman Salleh, Md. Husin dan Affan Mohd.



MSM Malaysia Holdings Berhad

A Member of **FGV**



HEADLINE	Dapat Tajaan 700 Paket Gula, Pengarah Teater 'Dang Anum (The Untold Story) Terharu Hairul Azreen & Hanis Zalikha Turut Beli Banyak Tiket Korporat
MEDIA	Gempak - Online
DATE	27 September 2024, 1.55pm
BY	Asyikin Mayudin
LINK	https://gempak.com/berita-terkini/dapat-tajaan-700-paket-gula-pengarah-teater-dang-anum-untold-story-terharu-hairul-azreen-hanis-zalikha-turut-beli-banyak-tiket-korporat-91952